

Gadis mengetuai

Silat Seni

Gayung di Melaka

29 NOV 1972
MELAKA, Selasa.

Gayung belum begitu berkembang di Melaka, lebih-lebih lagi di kawasan Alor Gajah. Pada hal silat ini telah popular di beberapa negeri di Malaysia dan juga Singapura. Di Alor Gajah cuma

Oleh HARWANI

sahaaja Silat Seni Gayung ini terdapat yaitu di Taboh Nanning dua buah cawangan Sempang Empat dan di Kampong Macap 16 batu dari Alor Gajah.

Silat Seni Gayung Cawangan Taboh Nanning ditubuhkan dua tahun da-

hulu dari daya usaha Datuk Md. Shah, Datuk Nanning yang ada sekarang.

Cawangan ini mempunyai anli seramai 26 orang semasa mula ditubuhkan tetapi sekarang ahlinya telah meningkat seramai 40 orang lebih.

Gurunya seorang gadis Cik Esah binti Ismail, 18 tahun, yang memakal tali pinggang merah.

Datuk Md. Shah yang juga sebagai imam khalfah Silat Seni Gayung Negeri Melaka menerangkan bahawa belian memang suka Silat Seni Gayung ini dihidupkan di serata tempat.

Beliau tertarik mengembangkan silat ini kerana silat ini mempunyai disiplin yang kuat berpegang teguh kepada hukum agama, dan lagi silat ini satu daripada cawangan kebudayaan yang tidak patut dihapuskan.

Faedah

Menurut Datuk Md. Shah banyak faedah akan diperolehi oleh ahli-ahli Silat Seni Gayung ini jika mereka benar-benar taat mengikut peraturan-peraturannya.

"Mereka belajar silat bermatlamat menjalankan segenapsenaman untuk menjaga kesihatan badan. Ilmu silat adalah ilmu mempertahankan diri. Anak gadis patut benar mempelajari silat untuk keselamatan diri."

Datuk Md. Shah juga menerangkan bahawa dalam mengamalkan ilmu Silat Seni Gayung ini ahli-ahli mesti mematuhi undang-undang agama, mesti tunjukan apa sahaja suruhan agama dan mesti menjauhkan diri dari memuat apa sahaja yang dilarang oleh agama.

Persekutuan Seni-silat undang pendekar luar untuk pertunjukan

SINGAPURA, Ahad.

Persekutuan Seni-silat (Pugilistic) Kebangsaan Singapura telah mengundang 'pendekar-pendekar' dari Malaysia, Hongkong, Taiwan dan Filipina untuk mengambili bahagian dalam pertunjukan dan pertandingan yang dianjurkan olehnya minggu depan. Pertunjukan dan pertandingan itu akan dijalankan selama seminggu. Ia akan dijalankan di Stadium Gay World mulai jam 8 malam. Antara mereka yang akan menunjukkan keahliannya dalam bidang itu termasuk tiga orang bintang filem dari Hongkong.

Bintang-bintang filem 'lawan-pedang' yang akan menunjukkan ketangkasan mereka ialah pelakon wanita Mao

Ying, dan pelakon-pelakon pria Chih Han Chua dan Hung Chih Pao. Mereka dijangka tiba pada hari Khamis ini untuk pertunjukan tersebut.

Pertunjukan itu akan memperlihatkan kepada ramai tentang jenis-jenis seni-silat tidak menggunakan senjata dan juga perantingan pertunjukan keahlian.

"Pendekar-pendekar" Singapura yang berjaya dalam pertandingan itu akan mewakili Singapura dalam Kejujahan Sensilat Asia Tenggara yang akan dilangsungkan disini tidak lama lagi.

Pertunjukan tersebut akan dirasmikan pembukaannya oleh Enck Jek Yean Thong, Menteri Kebudayaan, pada 9 Disember jam 8 malam. Tiket-tiket untuk menontonnya berharga \$2, \$5 dan \$8 sekarang boleh dibeli dari Persatuan Rakyat di Kallang.